

Hadi a'kui kesilapan akhbar *Harakah*

UM 19 JUN 2003

KUALA TERENGGANU 18 Jun — Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang hari ini mengakui kesilapan akhbar *Harakah* menyiarkan karikatur yang menghina Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Ketua Pengarang akhbar rasmi parti Pas itu, Zulkifli Sulong telah dihubungi dan dinasihatkan mengambil tindakan sewajarnya berhubung siaran tersebut.

“Saya telah menghubungi Ketua Pengarang *Harakah* dan kenyataan sudah dikeluarkan oleh media. Itu perkara biasa dalam kehidupan kita mengalami kesilapan dan keterlanjuran yang perlu diperbetulkan,” katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan Exco Kerajaan Negeri, di sini hari ini.

Beliau mengulas desakan pemimpin UMNO dan Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) supaya *Harakah* dan para pemimpin parti itu membuat kenyataan

terbuka memohon maaf mengenai kartun Zunar yang diterbitkan bagi keluaran 16 hingga 30 Jun ini.

Karikatur yang disiarkan itu memaparkan wajan Perdana Menteri diletakkan bersebelahan dengan lakaran khinzir yang dikaitkan dengan Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS), manakala nama Dr. Mahathir diganti dengan perkataan ‘Mahazir’.

Di KOTA BAHU, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menganggap isu karikatur menghina Perdana Menteri yang disiarkan oleh *Harakah* tidak perlu diperbesar-besarkan.

“Memanglah menjadi lumrah ketika berceramah, melukis kartun atau menulis artikel, sekali-sekala kita akan tersasul sehingga menyentub peri-badi seseorang,” jelasnya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) di Kota Darulnaim hari ini.